

10 DEC 1999

Veteran-Kabinet

VETERAN UMNO PUAS HATI DENGAN BARISAN KABINET BARU

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Beberapa veteran Umno hari ini melahirkan keyakinan dan rasa puas hati bahawa barisan kabinet baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dapat memikul tanggungjawab mereka dengan baik.

Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah yang dihubungi Bernama berkata beliau yakin dan berpuas hati dengan barisan kabinet baru itu kerana ia menggabungkan muka lama dan baru.

"Saya ucapkan tahniah kepada mereka yang dilantik tetapi saya sedikit terkilau kerana Tengku Razaleigh Hamzah (Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan) tidak tersenarai.

"Kalau Tengku Razaleigh masuk dalam senarai itu, saya kira ia barisan yang cukup lengkap," katanya yang menyifatkan rakyat juga mungkin terkejut kerana selama ini Tengku Razaleigh hangat diperkatakan akan menjadi salah seorang menteri Kabinet.

Beliau juga menyambut baik pelantikan Datuk Dr Abdul Hamid Othman sebagai Senator untuk membolehkan beliau dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana beliau telah memberikan perkhidmatan yang baik sebelum ini.

Pada pilihan raya umum 29 Nov lepas, Dr Abdul Hamid tewas kepada calon Pas Datuk Shahnon Ahmad yang terkenal dengan novel "Shit" di kerusi Parlimen Sik.

Sementara itu tokoh veteran wanita Umno Tan Sri Aishah Ghani turut mengalu-alukan barisan kabinet yang baru itu dan percaya mereka yang dilantik mampu menerajui kepimpinan negara dengan baik.

Katanya walaupun hanya dua orang sahaja wakil wanita diberi jawatan menteri penuh (Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat) berbanding tiga sebelum ini, golongan wanita tetap perlu bekerja kuat.

"Kita kena terima keputusan itu dan ia mungkin dilakukan untuk disesuaikan dengan keadaan semasa," katanya.

Siti Zaharah mengambil alih tugas Datin Paduka Zaleha Ismail yang tidak disenaraikan dalam kabinet kali ini. Siti Zaharah sebelum ini ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, beliau turut menasihatkan mereka yang tidak dilantik ke sebarang jawatan supaya terus memberi kerjasama dalam usaha memajukan lagi negara ini.

"Jawatan tak penting. Yang penting kita mesti berikan komitmen kita kepada pucuk pimpinan sebagai tanda kecintaan kita kepada negara," katanya.

Seorang lagi, bekas setiausaha agung Umno Tan Sri Mustafa Jabar, turut mengalu-alukan pelantikan kabinet baru itu.

Beliau percaya kabinet baru itu akan dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka dengan baik.

Mustafa mengucapkan tahniah kepada semua yang dilantik.

-- BERNAMA

APG zb